

## **ULASAN BUKU**

*Punk, Penentangan dan Politik Transnasionalisme oleh Sharifah Nursyahidah Syed Annuar, Muhammad Febriansyah dan Muhamad Takiyuddin Ismail. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2016. 194 halaman. ISBN 978-967-0960-50-0*

**MOHAMAD HAZIQ IKHSAN B. MOHD RUDZAINOOR**

Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 88400 Universiti Malaysia Sabah  
*haziqikhsanrudzainoor@gmail.com*

*Tarikh dihantar: 24 Februari 2020 / Tarikh diterima: 23 Mac 2020*

Buku terbitan tahun 2016 ini merupakan hasil penulisan Sharifah Nursyahidah Syed Annuar, Muhammad Febriansyah dan Muhamad Takiyuddin Ismail, terbitan Strategic Information and Research Development Centre (SIRD). Keseluruhan buku ini mengandungi 190 halaman termasuk rujukan dan asalnya merupakan tesis Sarjana Sharifah Nursyahidah semasa menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di bawah Program Sains Politik. Penyelia tesis berkenaan, Muhamad Takiyuddin kemudiannya mencadangkan agar tesis tersebut dikembangkan menjadi buku, lantas proses penambahbaikan dan penstrukturan semula dilakukan. Projek penerbitan buku ini kemudiannya disertai oleh Muhammad Febriansyah, yang ketika itu sedang menjalankan penyelidikan berhubung politik transnasional Malaysia-Indonesia.

Bahagian pendahuluan buku ini menyentuh perihal konsep sejarah ringkas keberadaan punk di Amerika Syarikat dan Britain yang kemudiannya menular ke Malaysia. Fokus utama bab ini meletakkan landasan teoretikal sebagai 'buka panggung' untuk panduan pembacanya. Bahagian ini cuba menerangkan perihal satu subbudaya. Subbudaya perlu difahami sebagai setiap masyarakat yang plural dan kompleks terkandung sekelompok kecil anggota masyarakatnya yang mengamalkan gaya hidup, kepercayaan, sikap atau kepentingan politik yang terpisah dan berbeza daripada masyarakat umum. Kelompok ini boleh memiliki banyak kesamaan ciri dengan budaya masyarakat dominan tetapi memiliki ciri khas yang lain. Keunikan perbincangan ini ialah dalam setiap subbudaya, pastinya terdapat budaya penentangan yang dikupas dalam subtema keakuran dan budaya penentangan. Penulis buku ini turut membincangkan konsep subbudaya mengikut takrifan aliran pemikiran Chicago yang berusaha mengembangkan kajian ini bermula dari tahun 1922 lagi. Penerangan ringkas tentang minat mengkaji perihal subbudaya di Chicago berlaku apabila berlakunya konflik antara kumpulan

manusia, menyebabkan diciptakan satu budaya baharu sebagai jelmaan identiti agar berbeza dengan kumpulan pesaingnya. Semakin lama konflik berlaku, budaya yang diciptakan semakin bertapak kepada generasi baharu. Bahagian ini merupakan kompilasi perbincangan yang lebih awal menyentuh tentang budaya penentangan. Perbincangan terawal dimulai dengan perbincangan konsep tentang subbudaya, kemudian dilanjutkan pula dengan keberadaan punk yang berasal dari British yang kemudiannya berkembang di Amerika Syarikat secara meluas, seterusnya berupaya mencambahkan ideanya menerusi prinsip budaya penentangan yang dekat dengan naluri golongan remaja. Kesudahan bagi pendahuluan buku ini, pembaca diterangkan tujuan buku ini ditulis secara khusus.

Bab 2 buku ini meletakkan tajuk “Punk: Antara Amalan dan Nilai-nilai Protes” sebagai tema utamanya. Bahagian ini membincangkan perihal punk secara khusus, iaitu asal usul ideologi ini di negara Barat, perkembangannya dan bagaimana komuniti punk menggunakan saluran seperti muzik, fesyen, kolektivisme dan prinsip “*Do it Yourself*” (D.I.Y) sebagai amalan yang menentang kelompok massa. Jika disentuh tentang muzik yang dimainkan oleh komuniti punk, lagu yang dihasilkan oleh mereka mengungkapkan pandangan dan suasana politik sebagai suatu cara untuk mengecam realiti politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Prinsip dalam komuniti punk juga dibincangkan dalam bahagian ini untuk melengkapkan lagi persoalan utama yang dibangkitkan oleh penulisnya iaitu huraian tentang punk. Harus diingatkan dari segi prinsip, punk di Barat dan di Malaysia tidak jauh berbeza. Namun, jika ditinjau dari aspek praktik mungkin berbeza mengikut situasi. Jika berlaku persamaan, hal tersebut merupakan bawaan individu dan bukanlah melambangkan keseluruhan komuniti punk di Malaysia.

Perbincangan di Bab 3 mula menyentuh berkenaan persilangan budaya muzik di Malaysia, yakni antara punk dan rock. Pada bahagian ini perbincangan tentang amalan muzik bawah tanah (*underground*) disentuh misalnya bagaimana muzik pop lebih mudah diterima berbanding muzik aliran rock dan punk sekitar tahun 1960-an. Hal ini sedikit sebanyak berupaya membuka minda generasi Z yang mungkin telah terlepas pandang hal ini mahupun telah terlepas daripada era zaman tersebut. Selain itu, membaca bahagian ini sedikit sebanyak mengimbau kenangan lalu mengusik jiwa

(KLMJ) bagi generasi ‘*Baby Boomer*’ mahupun generasi Y yang telah melalui zaman tersebut. Pertentangan budaya sehingga mengakibatkan campur tangan politik menjadikan bahagian ini menarik untuk dibaca.

Bab 4 dan 5 buku ini saling berkesinambungan untuk membincangkan perihal kegiatan Rumah Api, iaitu sebuah tempat khusus bagi kolektif punk menjalankan kegiatan mereka. Pada bahagian ini, pembaca dihidangkan dengan segala kegiatan kolektivisme punk misalnya Pasar Percuma, G.I.G, kegiatan memberi makan gelandangan (*Food not Bomb*) dan juga pameran karya seni dan sastera yang telah dilakukan oleh kolektif punk. Tidak dilupakan, perbincangan bagaimana komuniti punk mula terlibat dalam kegiatan berbaur politik sehingga berlaku beberapa peristiwa penangkapan oleh pihak berkuasa kerana dilihat sebagai ancaman misalnya menerusi sebuah anjuran G.I.G bertema ‘*Party Tonight Revolution Tomorrow*’ pada 28 Ogos 2015.

Bab 6 buku ini mendedahkan bagaimana sebuah komuniti punk dari Indonesia, iaitu Komunitas Taring Babi dikaitkan dengan konteks aktivisme transnasional. Komunitas Taring Babi dipilih kerana dilihat sebagai ikon penentangan dan sedikit sebanyak mempengaruhi ‘*scene*’ punk di Malaysia. Justeru, aktiviti transnasional sebegini juga menarik dikaji untuk melihat perkaitannya dengan budaya penentangan yang digerakkan oleh komuniti punk khususnya di Malaysia dan Indonesia.

Bab 7 merupakan ‘benang merah’ bagi keseluruhan perbincangan yang telah dilakukan oleh pihak penulis. Antara inti pati penulisan yang dapat ditafsirkan ialah punk merupakan salah satu cabang daripada subbudaya yang mempunyai impak tersendiri dalam mempengaruhi situasi politik. Meskipun komuniti punk bukanlah besar, budaya penentangan yang ditonjolkan oleh mereka terpapar jelas menerusi lapangan seni visual mahupun seni muzik. Penciptaan lirik lagu yang mengkritik penindasan dan ketidakadilan oleh para pemerintah yang alpa bukanlah suatu hal yang asing, malah diiringi dengan carutan serta istilah kesat. Budaya penentangan mudah diterima oleh golongan remaja menyebabkan doktrin punk berupaya meresap secara perlahan-lahan meskipun tidak lagi aktif seperti era 1990-an.

Natijah bagi sebuah penulisan pasti ditinggalkan sedikit kelompangan agar penyelidik baharu yang berminat untuk meneruskan kajian sebegini dapat mengisi ruang lompong yang ada. Penulis buku ini telah menggunakan pendekatan temu bual mendalam dan pemerhatian turut serta sebagai kaedah pemerolehan datanya. Suatu hal yang dapat dikesan dalam buku ini, penulis tidak mendedahkan tindakan langsung yang diusahakan oleh kumpulan punk untuk turut serta dalam politik bersifat transnasionalisme misalnya penglibatan mereka dalam pilihan raya, mahupun pendedahan berkenaan literasi politik anggota punk yang ditemu bual oleh penulis. Usaha politik yang ditonjolkan oleh kumpulan punk dalam buku ini lebih bersifat secara tidak langsung mahupun lebih bersifat dalam komuniti subbudaya mereka semata-mata. Peristiwa besar yang dikaitkan dengan penglibatan politik kumpulan punk ini adalah penyertaan segelintir dalam kalangan mereka dengan protes (perhimpunan jalanan) terhadap pembersihan sistem pilihan raya Malaysia (BERSIH 4) bermula pukul 2.00 petang pada 29 Ogos 2015 sehingga waktu tengah malam 30 Ogos 2015, serta kesalahfahaman anggota keselamatan dengan G.I.G di Rumah Api yang bertajuk '*Party Tonight Revolution Tomorrow*' yang dilihat sebagai subversif kerana dianjurkan pada malam sebelum perhimpunan jalanan anjuran Bersih 4 dilangsungkan (28 Ogos 2019, malam).

Secara keseluruhannya, buku ini menarik untuk dibaca oleh sesiapa yang berminat untuk memahami sisi lain berkenaan politik di Malaysia. Kehadiran buku ini sedikit sebanyak mengisi ruang lompong yang mungkin sebelumnya lebih besar, kini telah ditampung dan menjadi panduan kepada individu lain yang berminat untuk meneruskan kajian seumpama ini.